

# kembara/global

## Saintis Turun ke Desa galak minat STEM

**Maran:** Program Saintis Turun ke Desa oleh Komuniti Renaissance of Science Educators (ROSE) Universiti Malaysia Pahang (UMP) mampu meningkatkan tahap celik serta minat terhadap Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) dalam kalangan generasi muda.

Ini terbukti dengan kejayaan penganjuran program berkenaan yang membabitkan seramai 60 pelajar sekolah rendah dan menengah dari Kampung Kuala Wau, Maran, baru-baru ini.

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UMP, Prof Ir Dr Wan Azhar Wan Yusoff, berkata program itu adalah antara usaha pihaknya untuk meningkatkan minat pelajar dalam bidang STEM.

"Program ini mendukung Fal-

safah Pendidikan Negara dan matlamat pendidikan STEM untuk melahirkan murid berliterasi yang berupaya mengenal pasti, mengaplikasikan serta mengintegrasikan konsep STEM dalam penyelesaian masalah secara kreatif dan inovatif.

"Matlamat pendidikan STEM perlu diperkasakan kerana semakin banyak aplikasi teknologi membabitkan mesin dan komputer seperti yang direncanakan dalam Revolusi Perindustrian Keempat (Industri 4.0)," katanya ketika merasmikan program berkenaan.

### Berfikir logik

Yang turut hadir ialah Ketua Unit Pengurusan Sekolah, Mohamed Bakri Abdul Malek yang mewakili Ketua Pegawai Pendi-

dikan Daerah Maran; Guru Besar Sekolah Kebangsaan Kuala Wau (SKKW), Saharul Nizam Bahaman dan Pengerusi Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Kuala Wau, Mohd Zurin Md Jais.

Program gabungan penyarah, mahasiswa serta alumni Fakulti Sains dan Teknologi Industri (FSTI) UMP itu turut dibantu 15 orang guru dan 16 keluarga angkat.

Prof Wan Azhar berharap dengan usaha UMP mendekati komuniti setempat akan mendorong lebih ramai ahli akademik, ahli teknologi, alumni dan mahasiswa UMP berganding bahu serta berkongsi idea untuk menggalakkan pembangunan bakat dalam bidang STEM.

"Kami juga berharap program ini akan menarik perhatian pihak industri untuk turut serta dalam agenda pembangunan negara," katanya.

Sementara itu, Pengarah program, Dr Saifful Kamaluddin Muzakir @ Lokman, berkata program berkenaan turut melatih peserta berfikir secara kritikal dan logik melalui hasil uji kaji Sains serta Matematik menggunakan sumber yang terdapat di kampung.

"Selain itu, fasilitator turut membimbing peserta memupuk sikap yakin diri dalam membuat keputusan melalui kaedah hipotesis bersandarkan fakta serta menunjukkan suri teladan terhadap aspek kerohanian, termasuk menanam sifat jujur, amanah, suka berkongsi ilmu dan kepeimpinan," katanya.



Seorang fasilitator menunjukkan kajian penyelidikan kepada tetamu pada program ROSE UMP di Kampung Kuala Wau, Maran, baru-baru ini.